LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021

KERATAN AKHBAR

# Wajib kitar semula efluen antara cadangan atasi pencemaran sungai



**Kakitangan LUAS meletakkan beg serbuk karbon teraktif di alur longkang sebelum ke Sungai Bakau sebagai langkah kawalan pencegahan pencemaran pada 13 Oktober 2021. Foto Facebook Lembaga Urus Air Selangor**

SHAH ALAM, 24 NOV: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mencadangkan dua inisiatif bagi mengurangkan dampak pencemaran sungai menjelang Jun tahun depan.

Cadangan itu meliputi Dasar Pelepasan Sifar (ZDP) dan Polluter-Pays Principle (PPP) yang memberi kesan langsung kepada peningkatan kualiti air, kata pengarahnya.

Hasrolnizam Shaari berkata ZDP menumpukan industri dan premis niaga yang mewajibkan mereka mengitar semula efluen (sisa kimia atau kumbahan) dan tidak melepaskannya ke dalam sungai.

“Dasar ini dikuat kuasa bersama PPP, di mana mereka yang melepaskan efluen ke dalam sungai perlu membayar kos tambahan pelepasan melebihi had standard,” jelasnya dalam kenyataan.

Pihaknya turut mencadangkan had jumlah beban maksimum harian bagi membolehkan sungai di Selangor bertahan melawan pencemaran secara semula jadi tanpa menjejaskan kualiti air.

“Sebaik sahaja ZDP dan PPP diluluskan, LUAS akan melaksanakan projek rintis dengan industri dan perniagaan di sepanjang Sungai Klang melalui projek Gerbang Maritim Selangor (SMG).

“Langkah ini akan membantu kami meningkatkan kualiti air Sungai Klang dan bersedia menjadikannya sumber air untuk kegunaan penduduk seperti yang dikenal pasti Kerajaan Negeri,” kata Hasrolnizam.